

Headline	BNM sedia mesin deposit duit syiling		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Jul 2014	Color	Black/white
Section	Bisnes	Circulation	825,000
Page No	L-43	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	60 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,348
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,043



BNM sedia mesin deposit duit syiling

Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan bahawa Mesin Deposit Duit Syiling kini terdapat di seluruh negara bagi memudahkan proses mendepositkan duit syiling oleh perniagaan dan orang ramai.

BNM dalam kenyataannya semalam berkata, sebanyak 236 mesin ditempatkan di institusi kewangan yang mengambil bahagian, pasar raya besar dan cawangan Tabung Haji.

"Setiap tahun sejumlah besar duit syiling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia tidak dikembalikan untuk edaran semula. Sehubungan dengan itu, orang ramai digalakkan untuk mengembalikannya duit syiling mereka dan pada masa yang sama boleh memperoleh manfaat daripada pertambahan simpanan.

"Mesin Deposit Duit Syiling adalah mesin duit syiling layan diri berautomasi yang membolehkan pelanggan institusi kewangan yang mengambil bahagian dan Tabung Haji mendepositkan duit syiling mereka tanpa dikenakan sebarang caj," katanya.